

Headline	TH umum tiga lantikan baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,371
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,112



TH umum tiga lantikan baharu

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) mengumumkan tiga lantikan baharu bagi mengukuhkan lagi pentadbiran kewangan dan pelaburannya.



MERINA

TH dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya melantik Datuk Merina Abu Tahir sebagai Ketua Pegawai Kewangan berkuatkuasa pada 5 Februari lalu.

Merina pernah dilantik sebagai ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Disember 2016 hingga November 2019 selain merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Persatuan Akauntan-Akauntan Bertauliah (ACCA) Malaysia.



MOHAMAD DAMSHAL

Menurut kenyataan itu, TH turut melantik bekas Ketua Pelaburan Ekuiti dan Pendapatan Tetap di Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Malaysia, Mohamad Damshal Awang Damit sebagai Ketua Pegawai Pelaburan berkuat kuasa 20 Januari lalu.

Bagi meningkatkan potensi pelaburan aset strategik, TH turut melantik Muhammad Fawwaz Aminuddin sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik berkuat kuasa 11 Februari 2020.



MUHAMMAD FAWWAZ

Beliau memegang CFA dari CFA Institute dan Akauntan Bertauliah (ACA) dari Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

Sebelum menyertai TH, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar di UMW Group dan sebagai pengurusan tertinggi beberapa buah syarikat di Timur Tengah.